

## **INTERAKTIF RESUME ( E-RESUME )**

CHE NURSYAMIMI AMNI BINTI CHE MAT GHANI

Dr. HAZURA MOHAMED

*Fakulti Teknologi dan Sains Maklumat, Universiti Kebangsaan Malaysia*

### **ABSTRAK**

Interaktif Resume (E-RESUME) adalah satu sistem yang membantu seseorang mencipta resume untuk memudahkan calon pencari kerja mencari pekerjaan. Resume adalah dokumen yang penting yang digunakan oleh seseorang untuk mempamerkan latar belakang, kemahiran dan pencapaiannya. E-RESUME mempersembahkan maklumat dan proses dalam bentuk grafik. Objektif kajian ini adalah untuk memudahkan calon pencari kerja mencipta resume yang berinformasi, teratur dan mudah dibaca oleh majikan semasa memohon pekerjaan. Berdasarkan peningkatan penggunaan resume yang luas kini tetapi kebanyakan resume yang dibuat oleh calon pemohon kerja tidak begitu teratur, tidak cukup maklumat dan sukar difahami. Justeru, cadangan menghasilkan sistem E-RESUME dibentangkan. Sistem ini menyediakan platform dimana seseorang itu menghasilkan resume yang memenuhi kriteria maklumat yang sesebuah syarikat perlukan semasa memohon pekerjaan. Bagi memudahkan seseorang itu mendapatkan pekerjaan. Sistem ini juga membolehkan seseorang meletakkan video mereka sebagai video resume yang ditukar dalam bentuk "QR Code". Majikan hanya perlu imbas "QR Code" untuk melihat video mereka. Hal ini kerana sesetengah orang membuat video resume, mereka perlu menyiarkan di Youtube yang sememangnya sukar untuk majikan melihat video mereka. Video resume ini menampakkan lagi keyakinan calon pemohon kerja dalam memohon pekerjaan.

### **1. PENGENALAN**

Pada masa kini, jumlah permohonan kerja memang semakin meningkat. Hal ini menyebabkan mencari pekerjaan tidak begitu mudah dan perlu bersaing secara sengit dengan pemohon kerja yang lain. Salah satu cara untuk memudahkan seseorang mendapatkan pekerjaan ialah dengan menghasilkan resume yang mengikut

kehendak syarikat. Sesetengah calon pemohon kerja menulis resume dengan tujuan untuk mendapatkan kerja. Kesannya ialah mereka mempunyai resume yang membosankan dan nampak seperti seorang yang sangat terdesak untuk dapatkan kerja. Justeru, adakah calon pemohon kerja menghasilkan resume yang berinformasi? Terdapat segelintir calon pemohon kerja menghasilkan resume yang tidak berinformasi dan tidak menonjolkan kemahiran yang mereka ada. Hal ini akan menyebabkan majikan menolak permohonan jawatan yang dipohon. Majikan merasakan calon pemohon kerja tidak serius dalam memohon pekerjaan dengan mereka.

Resume memastikan syarikat dapat menemui calon pemohon kerja dengan cepat dan mudah (Juliana Weiss-Roessler 2013). Penghasilan resume sangat mudah jika calon faham apa yang perlu ada supaya resume mereka diterima oleh majikan. Salah satu sebab kenapa calon pemohon kerja tidak mendapat panggilan temuduga selepas menghantar resume ialah segelintir calon pemohon kerja tidak menepati ciri-ciri yang dikehendaki oleh pihak sumber manusia syarikat berkenaan (Abdul Rahman 2017). Tumpukan pada menyesuaikan resume dengan tawaran kerja dan buktikan calon pemohon kerja sesuai dengan pekerjaan dengan menunjukkan pencapaian yang berkaitan (Tom Gerencer 2019). Dalam penghasilan resume calon pemohon kerja perlu menyusun resume mereka mengikut pencapaian yang dapat menonjolkan diri mereka kepada majikan. Resume yang berkesan sememangnya membantu pemohon untuk mendapat perhatian daripada majikan (Jessica Hernandez 2018).

Namun begitu, susunan yang betul dalam resume juga mempengaruhi calon pemohon kerja diterima bekerja. Hal ini kerana susunan yang betul sangat penting dalam penghasilan resume. Kebanyakannya pengalaman kerja anda yang lalu adalah paling penting, jadi letakkan di atas. Apabila menerangkan tentang pengalaman atau kemahiran, senaraikan yang paling penting dahulu. Jika calon pemohon kerja boleh menerangkan manfaat kepada syarikatnya dan boleh kaitkan dengan kemahiran yang mereka ada, mereka boleh meningkatkan lagi peluang untuk mendapat temuduga.

E-RESUME merupakan sistem interaktif resume yang boleh didapati secara dalam talian yang berasaskan web. Hal ini kerana sesetengah majikan ingin melihat bahawa anda pandai mengendalikan web sekurang-kurangnya meletakkan resume

mereka di internet.. Sistem ini menyediakan platform untuk menghasilkan resume yang mengikut format yang dikehendaki oleh syarikat.

## **2. PENYATAAN MASALAH**

Dalam era globalisasi, memohon pekerjaan amat sukar kerana mempunyai banyak pesaing yang sengit dalam bidang masing-masing. Semua orang tahu apa itu resume, tetapi adakah calon memohon kerja benar-benar tahu bagaimana untuk membuat resume yang betul dan mengikut format resume terkini?. Sekarang misi utama calon pemohon kerja ialah memikirkan bagaimana untuk menulis dan mencipta format resume terkini yang boleh diterima pakai untuk majikan atau industri hari ini. Menurut Muhammad Hariz (2019) seseorang itu susah mendapatkan pekerjaan kerana tidak mengambil berat tentang format dan kriteria maklumat yang diperlukan oleh syarikat yang dipohon. Kebanyakan resume yang disediakan oleh calon pemohon kerja tidak begitu betul formatnya dan susah untuk difahami (Kerjaya Januari 2019).

Mengikut kajian daripada (resume2017.net) majoriti kesalahan calon pemohon kerja buat ialah tidak mengikut format resume terkini yang dikehendaki oleh syarikat. Menurut Tatiana Rehmova (2019) kebanyakan calon pemohon kerja tidak menyesuaikan resume dengan jawatan yang dipohon dengan betul yang menyebabkan jawatan yang dipohon tidak diterima. Selain itu, kebanyakan calon pencari kerja perlu memuat naik video resume mereka dekat youtube yang kemungkinan besar majikan terlepas pandang dengan video resume . Video resume juga agak penting dalam mencari pekerjaan kerana majikan lebih dapat melihat kelebihan kita dalam video tersebut seperti keyakinan diri, penampilan diri dan sebagainya.

## **3. OBJEKTIF KAJIAN**

Objektif kajian sistem ini adalah seperti berikut :



1. Mereka bentuk kebolegunaan sistem E-RESUME dalam penghasilan resume.
2. Membangunkan sistem E-RESUME yang membolehkan video resume ditukar dalam bentuk QR Code.

3. Mereka bentuk sistem E-RESUME yang mesra pengguna.

#### 4. METODOLOGI

Dalam sistem ini model Air Terjun (Waterfall Model) akan digunakan. Model Air Terjun adalah pendekatan SDLC terawal yang digunakan untuk pembangunan perisian. Model Air Terjun menggambarkan proses pembangunan perisian dalam aliran secara linear. Ini bermakna mana-mana fasa dalam proses pembangunan bermula hanya jika fasa sebelumnya selesai. Model ini dibahagikan kepada fasa yang berbeza dan output satu fasa digunakan sebagai input fasa seterusnya.

Pembangunan bergerak dari konsep, melalui reka bentuk, pelaksanaan, ujian, pemasangan, penyelesaian masalah dan berakhir dengan operasi dan penyelenggaraan. Setiap fasa pembangunan meneruskan dengan aliran yang ketat. Oleh itu, Air Terjun digunakan kerana ianya mudah difahami dan setiap fasa jelas definisinya. Selain itu, model ini juga sangat mudah dikendalikan. Dalam model ini proses dan hasilnya akan didokumenkan dengan betul mengikut keperluan pembangunan perisian.



Rajah 4.1 Modul kitar hayat pembangunan sistem (Model Air Terjun)

#### **4.1 Fasa Perancangan**

Fasa ini merupakan permulaan untuk Model Air Terjun yang bermula dengan menganalisis masalah yang dihadapi oleh subjek kajian. Fasa ini juga menentukan ciri-ciri yang diperlukan oleh Sistem Interaktif Resume (E-RESUME) supaya dapat mengatasi masalah yang berlaku. Dalam fasa ini, usulan projek yang melibatkan skop projek, perancangan kerja dan metodologi kajian akan ditentukan.

#### **4.2 Fasa Analisis Keperluan**

Fasa ini menganalisis kelompok pengguna yang bakal menggunakan sistem ini. Maklumat yang dicari akan dikumpulkan dan akan dianalisis untuk menentukan keperluan pengguna, kajian kes dan senario akan dilakukan dalam fasa ini

#### **4.3 Fasa Reka Bentuk**

Fasa ini akan menentukan bagaimana sistem Interaktif Resume akan berfungsi. Ia menjelaskan pandangan keseluruhan mengenai rekabentuk, struktur dan teknologi yang akan terlibat. Rajah hierarki, rajah model konseptual, rajah carta alir sistem dan sebagainya akan dapat ditentukan untuk pembangunan sistem.

#### **4.4 Fasa Pembangunan dan Implementasi**

Fasa ini bermula dengan penulisan kod mengikut reka bentuk dan keperluan pengguna yang telah ditentukan dalam fasa reka bentuk. Selepas itu, pengujian sistem akan dilakukan untuk menguji sistem ini adakah menepati keperluan pengguna. Proses pengujian sistem dan penulisan kod akan dilakukan secara bergilir-gilir untuk menghasilkan satu sistem yang berfungsi dengan baik. Perisian yang telah siap dibentuk perlu dipersembahkan untuk menguji keberkesannya serta melihat masalah yang berlaku sewaktu fasa rekabentuk dan pembangunan yang mungkin wujud.

#### **4.5 Fasa Penyelenggaraan**


Fasa ini merupakan fasa terakhir yang akan memperbaiki sistem yang terdapat sebarang perubahan dan ralat terhadap sistem. Penyelenggaraan berlaku apabila terdapat perubahan dalam meningkatkan lagi keupayaan sistem untuk menghasilkan sistem yang menepati keperluan pengguna.

### **5. HASIL KAJIAN**

Bahagian ini membincangkan tentang hasil pembangunan dan pengujian pengguna sistem Interaktif Resume (E-RESUME).

## 5.1 HASIL PEMBANGUNAN

### a. Pendaftaran



The image shows a registration form titled "Register | E-RESUME". Below the title, it says "Please fill this form to create an account." The form has three input fields: "Username :", "Email :", and "Password :". To the right of these fields are three stacked input boxes. Below the input boxes is a "Register" button. Below the button is a link that says "Already have account? Login".

Rajah 5.1 Reka bentuk antara muka mendaftar dalam sistem e-resume

Rajah 5.1 menunjukkan antara muka bagi halaman pendaftaran. Pada awal penggunaan sistem ini, calon pemohon kerja perlu mendaftar dengan memasukkan nama, email, kata laluan untuk mewujudkan akaun baru. Setelah selesai calon pemohon kerja perlu menekan butang "Register" untuk ke halaman log masuk.

## b. Log Masuk

Copyright @ FTSM


Rajah 5.2 Reka bentuk antara muka Log masuk dalam sistem E-RESUME

Rajah 5.2 menunjukkan antara muka untuk halaman Log masuk sistem ini. Setelah selesai mendaftar akaun, calon pemohon kerja akan ke halaman log masuk dan perlu



memasukkan email calon pemohon kerja dan kata laluan. Selepas itu, calon pemohon kerja perlu menekan butang log masuk untuk ke halaman menu utama.

### c. Menu Utama




Rajah 5.3 Reka bentuk antara muka Menu Utama

Rajah 5.3 menunjukkan antara muka Menu Utama untuk sistem ini. Setelah selesai log masuk, Calon akan ke halaman menu utama. Di halaman ini, calon boleh memilih untuk melihat contoh resume, panduan penggunaan sistem, feedback dan mencipta

resume. Untuk mencipta resume, calon perlu menekan butang “ Create Resume Now” di tengah halaman menu utama.


#### d. Pemilihan Template Resume



Rajah 5.4 Reka bentuk antara muka Pemilihan Template

Rajah 5.4 menunjukkan antara muka pemilihan template sebelum menghasilkan resume. Setelah menekan butang “ Create Resume Now” calon akan ke halaman pemilihan template yang telah disediakan. Calon perlu memilih salah satu daripada template yang ada untuk mencipta resume. Calon akan dibawa ke halaman mengisi maklumat diri.

e. Halaman Maklumat yang diperlukan




The screenshot shows a web application interface for creating a resume. At the top, there is a navigation bar with the text "Change Template" on the left, the date and time "06 Jul 2020 23:01 pm" in the center, and "Example Templates" and "Logout" on the right. The main content area is divided into three columns. The left column features a background image of a potted plant. The middle column contains a form with the following fields: "Work s:" with a sub-label "Work s Title", a "Work s Description" field, a "Reference" section with a text input field containing "CHE NURSYAMIMI AMINI", a "KELANTAN" label, a phone number input field containing "0112-3434708", and an email input field containing "A166009@sawa.ukm.edu.my". Below these fields is a "QR Code (Optional)" section. At the bottom of the form, there are two radio buttons: "Print resume" (which is selected) and "Download as .doc". A blue button labeled "Create your resume" is positioned at the bottom center of the form. The right column features a background image of a person's hand holding a smartphone.

Rajah 5.5 Reka bentuk antara muka halaman Maklumat yang diperlukan

Setelah memasuki halaman menu utama, jika calon memilih untuk cipta resume, calon pemohon kerja akan ke halaman cipta resume dengan menekan butang “Create Resume Now” dan boleh mula mencipta resume. Calon pemohon kerja dikehendaki memasukkan maklumat yang diperlukan dalam medan teks yang disediakan.

#### f. Memasukkan URL Video Resume



The screenshot shows a web interface for generating a QR code. At the top, there is a navigation bar with links for 'Feedback', '06 Jul 2020 22:11 pm', 'E-R', 'Example Templates', 'Tips', and 'Logout'. The main heading is 'QR Code (Optional)', followed by the instruction 'You can download and put the QR Code at the resume'. Below this is a form with the label 'Enter URL:' and a text input field containing the placeholder 'Please enter url.'. A blue button labeled 'Generate QR Code' is positioned below the input field. At the bottom of the form area, there is a logo for 'E-R' and 'E - RESUME' with a 'GO BACK' link underneath.

Rajah 5.6 Reka bentuk antara muka Memasukkan URL video resume

Calon pemohon kerja perlu menekan butang “QR Code” untuk kehalaman penghasilan QR Code. Calon perlu memasukkan URL video yang menyimpan video resume yang telah dimuat naik di Youtube dan Google Drive. Video resume calon pemohon kerja akan ditukar dalam paparan QR Code seperti Rajah 4.10.

#### g. QR Code video resume

## QR Code (Optional)

You can download and put the QR Code at the resume

Enter URL:

Generate QR Code




GO BACK

Rajah 5.7 Reka bentuk antara muka QR Code video resume

Setelah video resume menjadi paparan QR Code calon pemohon kerja boleh menyimpan QR Code tersebut dan di edit dalam resume yang di cipta. Penemu duga hanya perlu mengimbas QR Code tersebut untuk melihat video resume calon pencari kerja.

h. Resume yang telah siap



Rajah 4.11 Reka bentuk antara muka resume yang telah siap

Setelah selesai memasukkan maklumat yang diperlukan, calon pencari kerja perlu memilih sama ada ingin mencetak atau memuat turun resume apabila telah siap direka. Setelah selesai, sistem akan automatik memaparkan resume yang telah siap.

## 5.2 HASIL PENGUJIAN PENGGUNA

Pengujian ini dijalankan melalui kaedah soal selidik untuk memperoleh maklum balas daripada pengguna tentang kebolegunaan sistem Interaktif Resume (E-RESUME). Proses pengujian ini melibatkan 10 orang responden yang terdiri daripada calon pencari kerja dan graduan Universiti. Soalan soal selidik ini terdiri daripada dua bahagian iaitu bahagian kebolegunaan dan keberkesanan. Jadual 5.17 dan 5.18 menunjukkan min purata hasil soal selidik daripada 10 responden pada skala 3,4 dan 5 iaitu kurang setuju, setuju dan sangat setuju.

### 5.2.1 KEBOLEHGUNAAN

Jadual 5.17 Hasil soal selidik bahagian kebolegunaan.

No.	Soalan	3	4	5
1.	Sistem mesra pengguna?	0%	30%	70%
2.	Arahan yang terdapat dalam sistem	0%	40%	50%

	sangat jelas			
3.	Sistem mudah digunakan tanpa masalah teknikal.	10%	30%	60%
4.	Setiap Butang dalam sistem berfungsi dengan baik	10%	20%	70%
5.	Adakah antara muka sistem E-RESUME menarik?	0%	30%	70%

Berdasarkan soal selidik bahagian kebolehgunaan, bagi soalan pertama seramai 30% responden setuju dan 50% responden sangat setuju bahawa sistem ini adalah mesra pengguna. Soalan kedua seramai 40% setuju dan 50% sangat setuju bahawa arahan yang terdapat dalam sistem ini sangat jelas. Bagi soalan ketiga pula seramai 10% kurang setuju, 30% setuju dan 60% sangat setuju bahawa sistem E-RESUME ini sangat mudah digunakan tanpa ada masalah teknikal. Hal ini kerana terdapat beberapa responden mengalami masalah dalam mengimbas QR Code disebabkan masalah yang di hadapi oleh aplikasi pengimbas QR Code. Manakala untuk soalan keempat pula sebanyak 10% kurang setuju, 20% setuju dan 70% sangat setuju bahawa setiap butang yang ada dalam sistem ini berfungsi dengan baik. Bagi soalan yang terakhir untuk bahagian kebolehgunaan, sebanyak 30% setuju dan 70% sangat setuju bahawa keseluruhan antara muka sistem ini sangat menarik.



### 5.2.2 KEBERKESANAN

Jadual 5.18 Hasil soal selidik bahagian keberkesanan

No.	Soalan	3	4	5
1.	Sistem E-RESUME membolehkan video resume disimpan dalam bentuk QR Code.	0%	40%	60%
2.	Teknologi QR Code yang berkesan.	0%	30%	70%
3.	Setiap template yang disediakan berfungsi dengan baik.	0%	30%	70%
4.	Saya berasa gembira menggunakan sistem ini untuk menghasilkan resume	0%	10%	90%
5.	Sistem ini sesuai digunakan dalam menghasilkan resume dan memudahkan penyimpanan video Resume dalam bentuk QR Code.	0%	20%	80%

Berdasarkan soal selidik bahagian keberkesanan, bagi soalan pertama seramai 40% setuju dan 60% sangat setuju bahawa sistem ini membolehkan video resume disimpan dalam bentuk QR Code setelah memasukkan link URL video resume mereka di medan teks yang di sediakan dan menekan butang "Generate QR Code". Manakala soalan kedua seramai 30% setuju dan 70% sangat setuju bahawa teknologi QR Code yang ada dalam sistem ini berkesan dan akan membantu mereka dalam menyimpan video resume. Bagi soalan keempat seramai 10% setuju dan 90% sangat setuju bahawa mereka gembira menggunakan sistem ini untuk menghasilkan resume. Hal ini kerana sistem ini sangat mudah difahami untuk mencipta resume. Bagi soalan terakhir untuk bahagian keberkesanan, seramai 20% setuju dan 80% sangat setuju di mana ianya sesuai digunakan dalam menghasilkan resume dan memudahkan penyimpanan video Resume dalam bentuk QR Code kepada pengguna. Hal ini demikian kerana penemu duga hanya perlu mengimbas QR Code untuk melihat video resume mereka.

Berdasarkan hasil soal selidik yang dijalankan, sistem Interaktif resume (E-RESUME) ini mendapat maklum balas yang baik daripada keseluruhan responden. Keseluruhan soal selidik dilampirkan pada halaman Lampiran.

## **6. KESIMPULAN**

Secara keseluruhannya, pembangunan sistem Interaktif Resume (E-RESUME) ini berjalan dengan lancar dan mencapai objektif yang ditetapkan pada fasa perancangan

awal. Namun, terdapat beberapa kekangan dan masalah yang dihadapi sepanjang pembangunan projek ini sehingga menyebabkan beberapa perubahan perlu dibuat mengikut keperluan dan kemampuan. Keupayaan sistem ini masih boleh dipertingkatkan dan dibuat penambahbaikan untuk menghasilkan satu sistem yang berkualiti dan berkesan dalam penghasilan resume.

## 7. RUJUKAN

Andrew Powell-Morse. 2016. Waterfall Model. <https://airbrake.io/blog/sdlc/waterfall-model>. [10 Oktober 2019].

Tom Gerencer. 2019. How Long Should a Resume Be ?. <https://zety.com/blog/how-long-should-a-resume-be>. [10 Oktober 2019].

Jessica Hernandez. 2019. 12 Resume Writing Tips 2019. <https://www.linkedin.com/pulse/12-resume-writing-tips-2019-jessica-hernandez>. [8 Oktober 2019].

Career Brief. 2019. ToolKit: How to Write a Great Academic CV. <https://www>.

[nature.com/articles/d41586-019-01358-5](https://nature.com/articles/d41586-019-01358-5). [8 Oktober 2019].

Tatiana Rehmove. 2019. 20 Resume Tips and Advice 2019. <https://enhancv.com/blog/top-20-resume-tips-and-advice-for-2019-with-expert-insights/>. [8 Oktober 2019].

Fonseca, M.J., Jorge, J.A.P, Gomes M.R., & Goncalves, D. 2009. Creativity and HCI: From Experience to Design in Education. Dlm. Kotze, P., William Wong, Jorge, J., Dix, A. & Silva, P.A. (pnyt.) Conceptual Design and Prototyping to Explore Creativity, hlm. 203-217. Portugal: Dep. of Information Systems and Computer Engineering, INESC-ID/IST/Technical University of Lisbon.

Pahl, Gerhard (et al.). 2007. Product Development Process. Engineering Design - A Systematic Approach.. Springer - Verlag London 30 (3) : 125-143.

Abdul Rahman. 2017. 25 Tips Buat Resume Yang Baik. <https://kokotiam.com/tips-resume-yang-baik/> [ 5 Desember 2019]

Nurul Ilmi Muhlisah Aziz. 2016. Conceptual Diagram. <https://www.dictio.id/t/conceptual-diagram/2941> [20 November 2019].

Mawardi Yunus October 2016. APAKAH ITU RESUME?. <http://www.mawardiyunus.com/2013/06/apakah-itu-resume.html>. [19 Oktober 2019].

Marie , Robert , Joy , Pam McAuslan.2015. Self-promotion Statements in Video Resumes: Frequency, intensity, and gender effects on job applicant evaluation. *International Journal of Selection and Assessment*. 23(4) : 346-357.

Waung, M., Hymes, R. W., & Beatty, J. E. 2014. The effects of video and paper resumes on assessments of personality, applied social skills, mental capability, and resume outcomes. *Basic and Applied Social Psychology* . 36 : 238–251.

Alli Hess. 2017. The 7 Benefits Of A Video Resume. <https://www.joinforge.com/7-benefits-video-resume/> [5 Desember 2019].

Mike Nale. 2008. 10 Things That Make Up a Good Video Resume. <https://www.ere.net/10-things-that-make-up-a-good-video-resume/>. [5 Desember 2019].

Munir. 2012. Multimedia Konsep dan Aplikasi Dalam Pendidikan. [https://www.academia.edu/34701651/MULTIMEDIA\\_INTERAKTIF\\_Tugas\\_1\\_](https://www.academia.edu/34701651/MULTIMEDIA_INTERAKTIF_Tugas_1_). [5 Desember 2019].

Abezukey. 2010.Cara membuat resume. <https://www.scribd.com/doc/27559372/Cara-Membuat-Resume>. [5 Desember 2019].

Zamri Mohammad & Mohamed Amin. 2008. Teknologi maklumat dan komunikasi dalam pengajaran dan pembelajaran Bahasa Melayu. Shah Alam: Karisma Publications Sdn. Bhd.

Haziqah. 2019. Contoh resume terbaik satu muka surat & sebab kenapa majikan ini puji melambung. <https://blog.maukerja.my/ms/contoh-resume-terbaik-1-muka-surat-4-sebab-kenapa-majikan-ini-puji-resume-ni-melambung> [5 Disember 2019].

Melur.net. 2019. Contoh Resume Terbaik 2019 • Download 27 Design Resume Modern & Elegan Terkini. <https://melur.net/contoh-resume-terbaik/>. [5 Disember 2019].

Copyright@FTSM

Copyright@FTSM